

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI SAINS KESIHATAN
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN
PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

ZULKHAIRI BIN AMOM

KETUA UNIT KUALITI :

EMIDA BT MOHAMED

PENYELARAS :

EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM

PENULIS :

1. EMMY HAINIDA BINTI KHAIRUL IKRAM
2. MOHD ZULFADLI BIN ADENAN
3. ELLY LIYANA BINTI ZAINODIN
4. SYAHRUL BARIAH BINTI ABDUL HAMID
5. FATIM TAHIRAH BINTI MIRZA MOHD TAHIR BEG
6. AHMAD KAMAL BIN MOHD NATAR
7. NUR SHAFIQAH BINTI MUNAZLI

8. HARTINI BINTI YUSOF
9. FATIMAH BINTI SHAM
10. EMIDA BT MOHAMED
11. SUHANA BINTI SULAIMAN
12. SITI SIHARINE BINTI MOHAMAD HARAMI
13. NORFAZIRA BINTI NGALIMAN
14. RAJA DANIAL NURZUHAIR BIN RAJA AZHAM SHAH
15. NUR ARESYA BINTI AHMAD NAJMEE
16. NUR ATIQAH BINTI AZMAN
17. NAZRI BIN CHE DOM
18. NOOR AZLIYANA BINTI AZIZAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Peranan Fakulti Sains Kesihatan telah menjadi nadi penggerak dalam melaksanakan sistem pendidikan dalam bidang kesihatan merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang disokong ke arah kurikulum dinamik, tenaga kerja kompeten, beretika, komited dan berpengetahuan serta prasarana kondusif sejajar dengan perkembangan teknologi terkini. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, kepimpinan Fakulti Sains Kesihatan telah membuat transformasi dalam pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selari dengan merealisasikan tema strategik penyelidikan seperti yang termaktub di dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Pelan Strategik UiTM2025. Bagi melancarkan perancangan dan hala tuju penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, tadbir urus PJI FSK telah menggunakan tiga (3) pendekatan utama iaitu *People*, *Process* dan *Technology* dibawah *3 P's organizational performance* dan *Research Excellence Framework* dalam menjayakan tranformasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selari dengan hala tuju Universiti dan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kepimpinan PJI FSK sebagai satu medium pengantara antara staf dan barisan kepimpinan tertinggi FSK sentiasa melakukan komunikasi dua hala secara berkala melalui mesyuarat MPE, pekeliling dekan, laporan, buletin wacana FSK, surat, e-mel, papan kenyataan, majlis dialog, media sosial seperti laman sesawang FSK, kumpulan *WhatsApp* Akademik dan sebagainya bagi melaksanakan kesemua inisiatif perancangan strategik. FSK juga mempunyai beberapa set televisyen bagi menyampai maklumat secara digital, lebih cepat dan berkesan. Program pementapan bagi staf yg tidak aktif dan memperkukuhkan task force MYRA FSK merupakan strategi untuk meningkatkan Skor Myra 2019-2020. Selain itu, jumlah peningkatan penerbitan dan sitasi meningkat dari 24.38% ke 34.92%. Jumlah pelajar pascasiswazah (PhD) juga meningkat 52% dari tahun 2019-2020. Peningkatan jumlah geran sebanyak 52% dari tahun 2018-2109 dan nilai *income generation* per staf juga meningkat dari RM20,492.28 pada tahun 2019 ke RM221,678.84 pada tahun 2020. Peningkatan yang memberangsangkan ini walaupun dalam era pandemik COVID19 pada tahun 2020 amatlah membanggakan diatas usahasama iniatif antara kepimpinan PJI FSK dan staf dan menunjukkan kualiti dan strategik baik yang diusahakan oleh kepimpinan FSK. Pemantauan dan penilaian dilaksanakan bagi meningkatkan penyampaian dan penghasilan output yang memberi nilai tambah dan berdaya saing serta relevan disemua peringkat. Kepimpinan PJI telah berjaya memenuhi keperluan warga UiTM dalam menyediakan bidang tumpuan pilihan yang jelas bagi menunjukkan peranan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan adalah relevan dan selari dengan hala tuju Universiti dan juga Kementerian. Ini dapat dilihat dengan pencapaian di peringkat antarabangsa dengan memenangi 2 pingat emas di IPECIPTA ' 19 dan 14 pingat emas di IICE 2019 (antarabangsa). Selain itu, pencapaian pingat emas di peringkat kebangsaan dengan 8 pingat emas dan 2 pingat diamond di IIDEX 2020 dan INDES 2020. Kepimpinan PJI menggunakan Model Sasaran Operasi melalui mekanisma empat (4) komponen penting yang dikenali dengan singkatan POLC iaitu Merancang (*P – Planning*), Mengelola (*Organizing - O*), Memimpin (*Leading – L*) dan Mengawal (*Controlling – C*). Bidang tumpuan dibuat perancangan dengan teliti mengikut agenda Fakulti dan UiTM, diurus dan dipantau melalui tindakan pembetulan, penambahbaikan, kajisemula atau digugurkan projek. Kepimpinan PJI dapat mengenalpasti risiko dan mengelakkan kegagalan dengan memastikan pengawalan dan pemantauan secara sistematik dan penambahbaikan berterusan dan juga mengkaji semula peranan dan fungsi setiap 5 unit dibawah PJI secara bagi mencapai matlamat yang dirancang.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Peranan Fakulti Sains Kesihatan telah menjadi nadi penggerak dalam melaksanakan sistem pendidikan dalam bidang kesihatan yang disokong ke arah kurikulum dinamik, tenaga kerja kompeten, beretika, komited dan berpengetahuan serta prasarana kondusif sejajar dengan perkembangan teknologi terkini.

Bagi memastikan matlamat ini tercapai, kepimpinan Fakulti Sains Kesihatan telah membuat transformasi dalam Pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selari dengan merealisasikan tema strategik penyelidikan seperti yang termaktub di dalam dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) serta Pelan Strategik UiTM2025.

Bagi melancarkan perancangan dan hala tuju penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, tadbir urus PJI FSK telah menggunakan tiga (3) pendekatan utama iaitu People, Process dan Technology di bawah 3 P's organizational performance dan Research Excellence Framework dalam menjayakan tranformasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan selari dengan hala tuju Universiti dan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Bukti 1).

1. Pendekatan *people*

Pemeriksaan kesemua 5 unit di bawah bahagian penyelidikan dan penjaringan industri (Bukti 2) telah menggerakkan dan melaksanakan program dan bengkel yang dirancang.

Pemeriksaan kompetensi staf dilaksanakan dengan mengenalpasti penyelidik bagi memohon geran dalaman (Geran Penyelidikan Pembangunan Kerjaya)

Antara kategori yang boleh dikenalpasti adalah:

- Pensyarah yang telah tamat PhD kurang 5 tahun
- Pensyarah yang berkhidmat 5 tahun

Menyasarkan staf akademik yang baru melapor diri untuk menghasilkan minimum 2 jurnal berindeks di bawah program FSK RISING STAR (Bukti 1)

Menyasarkan staf akademik menghasilkan sekurang-kurangnya satu jurnal berindeks setahun di bawah program FSK HERO: Satu pensyarah satu jurnal berindeks (Bukti 1) yang dilaporkan pada pelaporan akhir PI.

2. Pendekatan *process*

Perancangan penyediaan bajet tahunan yang komprehensif bagi tahun 2019-2020 di dalam memastikan projek-projek inisiatif FSK dapat dilaksanakan secara berkesan bagi menghasilkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan yang cemerlang (Bukti 3).

Kepimpinan Fakulti Sains Kesihatan turut sama mengambil langkah pendekatan penjimatan dalam aspek kewangan selaras dengan Amanat Naib Canselor. Contohnya, bengkel penulisan dan *proof read* yang melibatkan Unit Penerbitan, Perundingan & Kecemerlangan, di mana ianya telah dilaksanakan secara *in-house*.

Dalam usaha meningkatkan penerbitan dikalangan staf, Kepimpinan Kanan Fakulti Sains Kesihatan telah menyediakan inisiatif penerbitan in house melalui penerbitan Jurnal 'Health Scope' yang telah dilancarkan pada tahun 2019 oleh Rektor Universiti Cawangan Selangor. Ini adalah menyokong kepada keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan di kalangan staf. Selain itu, pada tahun 2020, pihak pengurusan telah bekerjasama dengan

Universiti Putra Malaysia untuk bersama-sama dalam penerbitan melalui Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences dengan scopus indeks. Hasil dari kerjasama ini, sebanyak 46 artikel penyelidikan telah diterbitkan pada tahun 2021 (Bukti 4).

3. Pendekatan *technology*

Proses kerja juga dikaji semula untuk memantapkan perkhidmatan 5 unit di bawah bahagian penyelidikan dan penjarangan industri. Data untuk setiap perincian dalam bidang penyelidikan dan penjarangan industri dikumpul dalam satu medium data online dalam penyediaan perkhidmatan yang lebih interaktif.

Maklumat sumber ilmu dan maklumat secara digital akan diwar-warkan melalui medium aplikasi perisian dan juga di dalam web kepada warga fakulti dan luar fakulti yang merangkumi koleksi hasil kepakaran FSK (Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [Research Excelence Framework.pdf](#)
2. [Carta Fungsi Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri.pdf](#)
3. [infografik agihan PI FSK.pdf](#)
4. [MJMHS FSK.pdf](#)
5. [Media FSK.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam merangka perancangan dan perluasan yang baik, ia perlu didasari dengan hala tuju kerajaan yang memberi fokus kepada bidang tumpuan di institusi pengajian tinggi (IPT) merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

Kepimpinan PJI FSK sebagai satu medium pengantara antara staf dan barisan kepimpinan tertinggi FSK sentiasa melakukan komunikasi dua hala secara berkala melalui mesyuarat MPE, pekeliling dekan, laporan, buletin wacana FSK, surat, e-mel, papan kenyataan, media sosial seperti laman sesawang FSK, kumpulan WhatsApp Akademik bagi melaksanakan kesemua inisiatif perancangan strategik. FSK juga mempunyai beberapa set televisyen bagi menyampai maklumat secara digital, lebih cepat dan berkesan.

Skor MyRA FSK 2019-2020

Program pematapan bagi staf yg tidak aktif dan memperkukuhkan task force MYRA FSK merupakan strategi untuk meningkatkan Skor Myra 2019-2020 (Bukti 1).

Skor MyRA FSK telah meningkat daripada 48.69 pada tahun 2019 kepada 54.61 pada tahun 2020.

Ini merupakan Strategi FSK bagi mempertingkatkan 3 bahagian utama MYRA iaitu:

- Mempertingkatkan kuantiti dan kualiti Penyelidik
- Mempertingkatkan kuantiti dan kualiti Penyelidikan
- Mempertingkatkan kuantiti dan kualiti Pascasiswazah

Sitasi

Selain itu, jumlah peningkatan penerbitan dan sitasi meningkat dari 24.38% ke 34.92%. sejajar dengan strategi mempertingkatkan kualiti penyelidik dan penyelidikan. Sejumlah 18 orang pelajar PhD dan 67 pelajar sarjana telah melanjutkan pengajian secara mode penyelidikan.

Jumlah pelajar pascasiswazah (PhD) juga meningkat 52% dari tahun 2019-2020 sejajar dengan strategi mempertingkatkan kuantiti dan kualiti pascasiswazah (Bukti 2).

Geran

Sebanyak 118 projek berjumlah RM 4.3 juta telah berjaya diterima dan kebanyakannya geran dalaman UiTM (Bukti 3).

Peningkatan jumlah geran sebanyak 52% dari tahun 2018 sebanyak RM1,056,531.69 RM 2,034,910.00 pada tahun 2109 menunjukkan kualiti dan strategik baik yang diusahakan oleh Kepimpinan FSK. FSK juga berjaya memperolehi jumlah geran baru sebanyak RM663,000.00, walaupun dalam kekangan pandemik COVID19.

Impak perolehan geran menunjukkan peningkatan dari segi hasil penyelidikan bagi tahun 2016 hingga 2020 bagi jurnal berindeks (300 penerbitan berindeks; 61% SCOPUS; 33% WOS)

Hak cipta

Sebanyak 131 hakcipta telah dihasilkan dan meningkat dari tahun 219-2020 oleh penyelidik FSK (Bukti 4).

Kolaborasi dengan Industri dan IPTA/IPTS

Kursus kolaborasi telah dijalankan sejajar dengan peningkatan kuantiti dan kualiti penyelidik

yang menjaga kewajaran dan visibiliti FSK dan UTM.

Kepakaran

Kursus-kursus telah di war-warkan melalui medium e-mel, laman sesawang FSK dan kumpulan Whatsapp Akademik FSK sebagai salah satu strategi untuk menambah kepakaran dalam perundingan, inovasi produk (Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [SKOR MYRA 2019-2020.pdf](#)
2. [Pencapaian penerbitan.pdf](#)
3. [Pencapaian geran 2016-2020.pdf](#)
4. [Pencapaian IP 2016-2020.pdf](#)
5. [Kolaborasi and penyelidikan bersama.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan FSK telah mengambil inisiatif dengan merangka model pelan pemantauan kepimpinan bagi memastikan kejayaan sesuatu projek inisiatif serta dapat mengenalpasti punca-punca kegagalan yang berlaku. Pendekatan pemantauan strategik PDCA (Plan, Do, Check, Action) digunapakai bagi memastikan bidang tumpuan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui mekanisma pelbagai bentuk mesyuarat dan perbincangan di peringkat jabatan dan diperingkat fakulti yang dijalankan mengikut ketetapan mesyuarat. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan akan dilakukan sekiranya terdapat masalah-masalah yang timbul supaya bidang tumpuan mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan (Bukti 1).

Bagi menggerakkan dan melancarkan pengurusan kepimpinan Pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan di peringkat Fakulti dan UiTM, pemantauan dilakukan melalui **Mesyuarat Pengurusan FSK UiTM**. Selain itu, beberapa **siri perjumpaan dan perbincangan secara tidak berjadual** sama ada melalui e-mel, telefon, telesidang, bengkel atau taklimat dan saluran media sosial diadakan dari semasa ke semasa. Segala analisa pelaporan projek inisiatif dinilai dan dibuat kaji semula sekiranya terdapat masalah bagi mengelakkan berlaku kegagalan (Bukti 2).

Tiga (3) pendekatan utama iaitu **People, Process & Technology** telah digunapakai dalam melaksanakan **pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan** berdasarkan petunjuk operasi utama dan projek inisiatif yang dirancang. Pemantauan dan penilaian sesuatu program / projek / aktiviti di jabatan dilaksanakan bagi meningkatkan penyampaian dan penghasilan output yang memberi nilai tambah dan berdaya saing serta relevan di semua peringkat. Kepimpinan PJI telah berjaya memenuhi keperluan warga UiTM dalam menyediakan **bidang tumpuan pilihan** yang jelas bagi menunjukkan peranan penyelidikan, penerbitan dan pengkormesilan adalah relevan dan selari dengan hala tuju universiti dan juga kementerian. Ini dapat dilihat dengan pencapaian di **peringkat antarabangsa iaitu pencapaian MyRA score yang meningkat serta memenangi 2 pingat emas di IPECIPTA ' 19 dan 14 pingat emas di IICE 2019 (antarabangsa)**. Selain itu, **pencapaian pingat emas di peringkat kebangsaan dengan 8 pingat emas dan 2 pingat diamond di IIDEX 2020 dan INDES 2020** (Bukti 3).

SENARAI BUKTI:

1. [PDCA.pdf](#)
2. [PEMANTAUAN.pdf](#)
3. [Pingat Inovasi.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan PJI menggunakan Model Sasaran Operasi melalui mekanisma empat (4) komponen penting yang dikenali dengan singkatan **POLC** iaitu **Merancang (P – Planning)**, **Mengelola (Organizing - O)**, **Memimpin (Leading – L)** dan **Mengawal (Controlling – C)**. Kepimpinan PJI memastikan bidang tumpuan dibuat perancangan dengan teliti mengikut agenda Fakulti dan UiTM, diurus dan dipantau melalui tindakan pembetulan, penambahbaikan, kajisemula atau digugurkan projek. Kepimpinan PJI dapat **mengenalpasti risiko dan mengelakkan kegagalan dengan memastikan pengawalan dan pemantauan secara sistematik dan penambahbaikan berterusan dan juga mengkaji semula peranan dan fungsi setiap 5 unit di bawah PJI secara berkala** bagi mencapai matlamat yang dirancang. Kepimpinan PJI memberi penekanan kepada operasi penggubalan, pelaksanaan dan penilaian strategi yang ditetapkan dalam memastikan perancangan yang dibuat tercapai.

SENARAI BUKTI :

1. [RISIKO.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan PJI memastikan pengawalan dan pemantauan secara sistematik dan penambahbaikan berterusan dan juga mengkaji semula peranan dan fungsi setiap 5 unit di bawah PJI secara berkala bagi mencapai matlamat yang dirancang. Kepimpinan PJI memberi penekanan kepada operasi penggubalan, pelaksanaan dan penilaian strategi yang ditetapkan dalam memastikan perancangan yang dibuat tercapai. Seterusnya, kepimpinan PJI menggalakkan pelaksanaan aktiviti inovasi dan kreativiti dari aspek **Pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan**. Sokongan padu, komitmen, iltizam dan pemikiran inovatif daripada semua staff telah dapat melahirkan produk-produk inovasi dan telah dapat memastikan **visible (ketampakan) di mata dunia, malahan telah mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa**. Di samping itu, kepimpinan PJI menggalakkan idea-idea baharu dalam **Pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan** baharu yang lebih fleksibel dan *personalised* berdasarkan situasi semasa.

SENARAI BUKTI :

1. [PENAMBAHBAIKAN INTEGRASI.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada inisiatif yang telah dijalankan oleh FSK telah berjaya melonjakkan Malaysia Research Assessment (**MyRA**) FSK bagi tahun 2020 (**Bukti 1**).

FSK telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan menjadi amalan dan pembudayaan. Antaranya dengan penganjuran beberapa program bagi meningkatkan lagi penglibatan warga FSK khusus nya di bidang inovasi (**Bukti 2**).

Selain daripada itu, bagi menjadikan amalan dan budaya kearah kecemerlangan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan ini, FSK telah menggunakan sepenuhnya media komunikasi FSK iaitu melalui laman sesawang FSK bagi menghebahkan peluang-peluang permohonan geran, konferens dan jaringan antara industry, komuniti dan alumni yang ada bagi menggalakan warga FSK menyertainya (**Bukti 3**).

SENARAI BUKTI :

1. [MYRA 2019-2020.pdf](#)
2. [Pingat Inovasi.pdf](#)
3. [PRESTASI PENYELIDIKAN FAKULTI DI UCS 2016-2020a _compressed.pdf](#)
4. [PENAMBAHBAIKAN INTEGRASI.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik ialah proses sosial yang dibentuk untuk mendapat kerjasama, penyertaan dan penglibatan staf dalam sesebuah organisasi bagi mencapai sesuatu hala tuju atau objektif yang paling berkesan dan bersistematik. Oleh yang demikian, perancangan ini memerlukan satu penelitian dengan mempunyai kriteria yang kukuh sebagai paksi untuk fakulti sentiasa berada di tahap yang terbaik dan cemerlang. Kriteria-kriteria ini pada akhirnya akan dinilai tentang bagaimana objektif-objektif strategik dan pelan tindakan yang terpilih dapat dilaksanakan disamping dapat diukur prestasinya.

Merujuk kepada bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ini, adalah menjadi satu keperluan, bagi fakulti terus memacu gerakkerja dalam melakar kecemerlangan yang lebih gemilang. Pelbagai perancangan dan strategi telah dirangka oleh pihak fakulti melalui Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), Fakulti Sains Kesihatan (FSK). Dipantau oleh Timbalan Dekan PJI sendiri, 4 unit telah diwujudkan bagi memastikan setiap objektif dan ketetapan dapat dilaksanakan secara teratur dan terancang. Unit-unit yang terlibat adalah Unit Penyelidikan & Inovasi, Unit Penerbitan, Perundingan & Kecemerlangan, Unit Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni dan Unit Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship. Justeru, unit pertama dan kedua yang terlibat akan memberi tumpuan khusus kepada aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

Satu 'framework' telah dibentuk bagi memberi gambaran berkenaan kecemerlangan yang ingin dicapai dalam penyelidikan. Ia merangkumi aspek utama bermula dengan kajian, penerbitan, konsultasi, inovasi dan disudahi dengan pengkomersilan. 'Framework' ini menjadi garis panduan asas untuk fakulti mencapai kecemerlangan dalam bidang tumpuan yang dipilih. Seterusnya, berdasarkan 'framework' ini, beberapa strategi telah diperincikan untuk membantu fakulti mencapai objektif yang dihasratkan. Panduan seumpama ini sangat penting, supaya para staf akademik sentiasa meletakkan fokus mereka untuk terlibat sama dalam proses penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Ini penting kerana seringkali staf akademik hanya menumpukan kepada aspek penganjuran dan pembelajaran semata-mata dan memandang sepi aspek penyelidikan apatah lagi penerbitan dan pengkomersilan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan strategik yang sempurna dapat menjamin pelaksanaan yang sistematik dan berimpak tinggi. Fakulti telah mengaplikasi beberapa strategi bagi memastikan kecemerlangan dalam bidang tumpuan utama iaitu penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan dapat direalisasikan pada akhirnya.

Strategi pertama yang diaplikasikan adalah meningkatkan perolehan geran dari sumber dalaman, nasional, swasta dan antarabangsa yang bertujuan untuk menyokong segala aktiviti penyelidikan. Ini kerana semua aktiviti penyelidikan perlu didasari dengan sokongan kewangan yang kukuh, yang membolehkan setiap pensyarah dapat menggerakkan setiap projek penyelidikan yang telah dirancang. Sumber penyelidikan ini diperolehi melalui kelulusan geran yang telah dipohon. Melalui kelulusan geran ini, ahli akademik dapat memperluaskan kajian penyelidikan melalui pengambilan pelajar pasca siswazah. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar penerbitan dan mengupayakan pengkomersilan produk dan inovasi berdasarkan projek kajian yang dilaksanakan.

Strategi kedua yang diterjemahkan adalah mengenalpasti penyelidik yang berkemampuan dan layak bagi memohon geran dalaman UiTM yang dikenali Geran Penyelidikan Pembangunan Kerjaya. Kriteria asas bagi permohonan geran ini agak mudah berbanding geran yang lain yang lebih memfokuskan pensyarah muda dengan tempoh perkhidmatan yang kurang 5 tahun. Polisi ini amat baik bagi ahli akademik yang baru ingin berjinak-jinak dengan penyelidikan. Dengan kriteria yang lebih mudah untuk dipenuhi, geran ini sewajarnya memberi peluang yang lebih besar kepada para penyelidik muda khususnya untuk menggerakkan projek penyelidikan mereka.

Strategi ketiga pula memberi penekanan kepada perolehan Geran Industri yang lebih menjurus kepada kolaborasi antara pihak fakulti dan industri.

SENARAI BUKTI:

1. [2.2.1.pdf](#)
2. [2.2.2.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam merangka perancangan yang baik, ia perlu didasari dengan halatuju kerajaan yang memberi fokus kepada bidang tumpuan di institusi pengajian tinggi (IPT) merangkumi aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan.

Dasar-dasar kerajaan telah didokumenkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang menitikberatkan untuk memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat dalam meningkatkan kemahiran dan menambahbaik kualiti pendidikan, yang pada akhirnya akan meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi. Di bawah skop pembangunan modal insan, bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ini sangat penting untuk menambah baik mobiliti sosial dan kesejahteraan rakyat. Melalui bidang tumpuan ini, ia secara tidak langsung dapat menyokong peralihan sektor ekonomi tertentu ke arah aktiviti berintensifkan ilmu pengetahuan. Ia seterusnya dapat menjana produktiviti buruh dan menarik pelaburan ke Malaysia.

Selaras dengan hasrat RMK11, agenda untuk menghasilkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif supaya terus maju dalam ekonomi global. Ini jelas dapat dilihat melalui peralihan berterusan daripada aktiviti ekonomi berintensifkan buruh kepada ekonomi berteraskan pengetahuan dan inovasi. Secara keseluruhannya, bidang tumpuan ini akan menghasilkan modal insan bertaraf dunia yang diperlukan Malaysia dalam fasa terakhir menjadi negara maju.

Hasrat utama daripada pelaksanaan RMK11 ini adalah ia disasarkan untuk menghasilkan anjakan penting dalam pengoperasian sistem sedia ada bagi melahirkan bakat bertaraf dunia yang mampu bersaing dalam ekonomi global. Bagi memastikan Malaysia menjadi negara maju dan inklusif, Malaysia memerlukan modal insan yang berpengetahuan, berilmu, beretika dan berakhlak. Berdasarkan bidang tumpuan yang dipilih ini, pembelajaran sedia ada yang tertumpu hanya ketika di usia muda akan diperluas ke arah pembelajaran berterusan bagi setiap individu untuk meningkatkan pengetahuan dan pembangunan diri.

Dengan memberi fokus kepada kualiti pendidikan, RMK11 akan mensasarkan ke arah peningkatan dan pembangunan bakat yang dilengkapi kemahiran, ilmu, etika dan akhlak untuk berjaya dalam situasi yang penuh persaingan dan sentiasa berubah. Dengan itu, antara bidang yang menjadi fokus dalam RMK11 ini, ialah menetapkan strategi untuk mempertingkatkan kualiti graduan dan program bagi memperkukuh penyelidikan untuk inovasi. Bagi merealisasikan strategi ini, usaha-usaha seumpama kolaborasi dengan industri dalam membentuk dan menyampaikan program, mempertingkatkan kualiti penyelidikan, memperkukuh peranan IPT sebagai wadah inovasi dan penyelesaian masalah dalam industri dan komuniti.

Strategi lain yang diperincikan berdasarkan RMK11 ialah mencapai tadbir urus IPT yang cemerlang dan kemampuan kewangan. Antara usaha yang perlu digembelengkan termasuklah pemberian autonomi tertakluk kepada kerangka perundangan, mengaitkan pembiayaan kerajaan dengan prestasi dan menggalakkan universiti awam untuk mempelbagaikan sumber pendapatan.

SENARAI BUKTI :

1. [2.3.1.pdf](#)
2. [2.3.2.pdf](#)
3. [2.3.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memperkemas proses pemantauan, fakulti telah merangka beberapa strategi tambahan lain untuk memastikan penglibatan semua staf akademik secara menyeluruh. Strategi tambahan pertama adalah menetapkan sasaran kepada staf akademik yang baharu melapor diri untuk menghasilkan minimum 2 jurnal berindeks yang dijenamakan sebagai 'FSK RISING STARS'. Pendekatan ini menyasarkan staf akademik yang baharu melapor diri ke fakulti dalam tempoh kurang 2 tahun. Staf akademik yang terpilih ini akan diberi galakan untuk membentuk pasukan penyelidikan secara berkumpulan, dan memberi fokus kepada kuantiti jurnal yang dihasilkan untuk diterbitkan di jurnal berindeks SCOPUS/ERA sebanyak mungkin. Oleh itu, strategi yang diilhamkan ini akan dapat memantau pencapaian fakulti amnya dan staf akademik khususnya dalam menyumbangkan hasil penulisan mereka untuk diterbitkan.

Strategi kedua pula menyasarkan staf akademik menghasilkan sekurang-kurangnya satu jurnal berindeks setahun dengan tema '**FSK HERO: Satu pensyarah satu jurnal berindeks**'. Inisiatif ini juga mampu meningkatkan penerbitan fakulti dan proses pemantauan prestasi staf dalam bidang penerbitan dapat diperkemas lagi apabila staf akademik semakin bermotivasi tinggi untuk menyumbangkan penerbitan kepada fakulti.

Strategi ketiga adalah penyediaan skim pembiayaan serta insentif penerbitan artikel jurnal berindeks Scopus/WOS dan penerbitan buku. Inisiatif ini jelas dapat membantu mengurangkan perbelanjaan staf akademik untuk menerbitkan hasil penulisan di jurnal. Strategi keempat pula ialah melaksanakan kerjasama penerbitan bersama kampus cawangan iaitu UITM Kampus Bertam dan Kota Samarahan. Kampus cawangan ini juga perlu diberikan galakan yang sama dan sempurna supaya kejayaan penerbitan dapat dikongsi bersama dan sistem pantauan ini juga mesti dikuatkuasakan walaupun untuk kampus cawangan di negeri lain.

Strategi kelima ialah mewujudkan inisiatif menerbitkan FYP (Final Year Project) pelajar sarjana muda yang dapat membantu pensyarah menghasilkan penerbitan seterusnya menyumbang kepada jumlah penerbitan/ sitasi UiTM. Hasil daripada FYP ini, sebenarnya mempunyai tahap yang selayaknya untuk diberi peluang bagi diterbitkan hasil penyelidikannya. Para staf akademik perlu memberikan panduan untuk para pelajar ini dapat menghasilkan FYP mereka dengan berkualiti bagi membolehkan ia menyumbang kepada hasil penulisan yang boleh diterbitkan nanti. Strategi keenam dan terakhir adalah, adalah Program T2B (Thesis to Book) yang merangkumi penerangan penerbitan buku secara asas. (Publishing for Dummies)

SENARAI BUKTI:

1. [2.4.1.1.pdf](#)
2. [2.4.1.2.pdf](#)
3. [2.4.1.3.pdf](#)
4. [2.4.1.4.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Melalui analisa dan data yang diperoleh, antara tahun 2016 hingga 2020, sebanyak 118 projek telah diluluskan yang keseluruhannya berjumlah lebih RM4 juta. Ia disumbangkan oleh 60% daripada ahli akademik fakulti dalam jumlah 73 orang. Data yang diperoleh ini secara umumnya, menunjukkan adanya peningkatan dan penurunan yang ketara dalam proses permohonan geran dari tahun ke tahun. Ironinya, prestasi yang ditunjukkan belum lagi mencapai tahap yang konsisten dan terbaik. Situasi ini perlu disedari oleh pihak pengurusan fakulti, untuk melaksanakan proses penambahbaikan dari aspek galakan dan insentif kepada para staf akademik fakulti bagi terus memacu kecemerlangan dalam bidang penyelidikan.

Bagi tahun 2020, jumlah geran yang diterima menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Prestasi hasil dapatan data ini, perlu diperbaiki untuk masa akan datang. Berdasarkan analisa data, kebanyakan geran yang diperoleh pada tahun 2020, adalah dalam kategori geran dalaman, yang terdiri daripada Geran Lestari, Geran Insentif Penyelidikan dan Dana DUCS.

Analisa data tahun 2016 hingga 2020 yang diperoleh juga menunjukkan projek bagi geran yang dipohon pada tahun 2016 telah tamat sepenuhnya, manakala projek bagi tahun 2017 hingga 2020, masih berbaki sebanyak 42% yang masih berstatus aktif. Projek yang berstatus aktif ini, perlu terus dipantau perkembangannya bagi mengelakkan sebarang masalah daripada berlaku yang akhirnya boleh menyebabkan pembaziran terhadap dana geran yang telah diluluskan. Ini antara risiko yang kerap berlaku, iaitu apabila geran telah diluluskan, namun projek yang dirancang tidak dapat dijalankan dengan baik hingga tiada hasil sama ada dari aspek data penyelidikan, penerbitan jurnal mahupun pengkomersilan daripada hasil penyelidikan.

Selain itu, punca lain yang dikenalpasti menyebabkan projek tidak dapat ditamatkan pada tempoh waktu yang sepatutnya adalah disebabkan projek yang melibatkan pelbagai pihak yang berlainan institusi. Justeru, komitmen sebagai ahli akademik kadangkala membataskan komitmen untuk memberi fokus kepada projek penyelidikan yang dijalankan. Ia menyebabkan kerjasama yang telah dibentuk pada awal permohonan projek, tidak dapat digerakkan dengan lancar kerana masalah komitmen para penyelidik itu sendiri.

Walaupun bagaimanapun, secara keseluruhannya, pencapaian bagi tempoh 5 tahun dari segi penerbitan, menunjukkan hasil dapatan yang positif dengan tercapainya sasaran terhadap bilangan jurnal berindeks yang telah diterbitkan. Ia dibuktikan dengan kejayaan menerbitkan 74 jurnal berindeks dalam tempoh itu.

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.2.1.pdf](#)
2. [2.4.2.2.pdf](#)
3. [2.4.2.3.pdf](#)
4. [2.4.2.4.pdf](#)
5. [2.4.2.5.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan kecemerlangan terhadap bidang tumpuan sentiasa dapat dijana dengan baik, fakulti menggariskan 3 langkah untuk memperkasa tahap MyRA fakulti. Pertama adalah mempertingkatkan kuantiti dan kualiti penyelidik. Kedua adalah menambahbaik kuantiti dan kualiti penyelidikan. Ketiga adalah memperbaiki kuantiti dan kualiti pascasiswazah.

Selain itu, untuk meningkatkan motivasi para staf akademik fakulti, pemberian insentif dan dana khas juga boleh dilaksanakan. Langkah ini akan dapat menampung sokongan kewangan dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Apabila dianalisa, sememangnya penglibatan staf akademik fakulti dalam pelaksanaan aktiviti penyelidikan masih lagi di tahap yang lemah, dan terdapat juga beberapa staf yang tidak mahu terlibat langsung dalam penyelidikan. Justeru, situasi seumpama ini, boleh diatasi dengan melaksanakan program pemantapan khas bagi staf akademik yang tidak aktif. Contohnya, mengadakan bengkel dan ceramah untuk menggilap kemahiran dalam menggerakkan penyelidikan.

Disamping itu, proses penambahbaikan terhadap bidang tumpuan ini dapat direalisasikan apabila satu jawatankuasa khusus atau pun 'taskforce' terbentuk bagi memantau keseluruhan strategi yang telah dirangka di peringkat dasar. Ia penting kerana, banyak masalah yang berlaku, disebabkan tiada jawatankuasa pemantau khusus terhadap prestasi staf akademik dalam bidang penyelidikan. Tidak dinafikan, dalam sebuah fakulti, pasti ada staf yang sangat hebat dalam kerja-kerja penyelidikan, begitu juga ada yang berprestasi sederhana dan juga ada sebahagian staf yang sangat lemah dalam tugas penyelidikan. Jadi, semua staf hakikatnya perlu bergerak dalam satu pasukan, maksudnya staf yang hebat hendaklah membantu staf yang lemah dan pastinya staf yang lemah perlu menyedari mereka sendiri perlu bersedia untuk dibantu, supaya semua staf berpeluang untuk mendapat impak terbaik dalam kerjaya selaku ahli akademik di universiti.

Begitu juga, apabila diteliti perkara asas dalam permohonan geran penyelidikan masih lagi tidak dapat dipenuhi dengan baik. Beberapa aspek teknikal, seperti objektif projek yang tidak jelas, seringkali membataskan permohonan geran daripada staf fakulti untuk diluluskan. Ini merupakan sesuatu yang sangat merugikan, ia sebenarnya boleh diperbaiki dengan penganjuran bengkel 'hands on' penulisan proposal serta sesi perkongsian khas bersama penyelidik yang pernah memperoleh geran daripada pihak industri dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.3.1.pdf](#)
2. [2.4.3.2.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kecemerlangan yang terserlah pastinya akan terzhahir dengan kerjasama berpasukan merangkumi seluruh warga staf akademik fakulti. Begitu juga, tanpa dokongan dan sokongan daripada barisan kepimpinan tertinggi fakulti, pasti mustahil untuk fakulti mengorak langkah menuju ke satu matlamat yang lebih gemilang. Atas hasrat yang murni itulah, barisan peneraju tertinggi fakulti dan juga staf akademik sentiasa berganding bahu bagi meningkatkan pencapaian fakulti khususnya terhadap bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan ini.

Sepanjang tahun 2016-2020, fakulti telah merekodkan sejumlah 18 orang pelajar Phd dan juga 67 orang pelajar Sarjana untuk memangkin gerakkerja penyelidikan di fakulti. Pengambilan pelajar pasca siswazah ini, semestinya dibantu oleh tunjang kepimpinan utama fakulti, melibatkan Dekan dan Timbalan-timbalan Dekan, khususnya di Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri. Dengan pengambilan para pelajar ini untuk program pasca siswazah, ia pasti akan melonjakkan nama fakulti dalam bidang penyelidikan di bawah bimbingan staf akademik yang mempunyai latar belakang dan kepakaran yang pelbagai.

Begitu juga dengan bilangan paten dan hakcipta yang telah dicetak oleh fakulti, yang menunjukkan satu jumlah yang memberangsangkan dalam tempoh 5 tahun. Bilangan hakcipta yang terhasil ini, dipacu oleh hasil dan dapatan daripada penyelidikan pasca siswazah yang didokong oleh sejumlah perbelanjaan daripada geran yang telah diperoleh. Hakcipta yang diperoleh ini, secara asasnya dapat dikembangkan sekiranya berpotensi untuk dikomersilkan ke tahap yang lebih jauh.

Hasil daripada persefahaman dan kolaborasi yang baik bersama kepimpinan fakulti, maka 300 penerbitan berindeks telah dapat diterjemahkan dalam tempoh 5 tahun. Jumlah ini telah melonjakkan fakulti ke tahap yang lebih baik daripada tahun demi tahun melalui penilaian MyRA (Malaysia Research Assessment). Ditambah lagi dengan strategi tambahan yang telah dirangka oleh kepimpinan fakulti dengan membuka ruang untuk semua staf akademik menerbitkan penulisan berindeks mereka di jurnal Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences bermula tahun 2020. Langkah positif ini memberi impak positif bagi penerbitan tahun 2021 ini. Kesemua staf akademik digalakkan untuk menghantar penulisan mereka ke jurnal ini sebanyak mungkin. Proses untuk memperhalusi penulisan juga banyak dibantu oleh pihak fakulti dengan penganjuran bengkel dan taklimat. Umumnya, kadar penerbitan penulisan di jurnal ini agak tinggi disebabkan kerjasama yang telah terhasil antara pihak fakulti dan editor jurnal.

SENARAI BUKTI :

1. [2.5.1.pdf](#)
2. [2.5.2.pdf](#)
3. [2.5.3.pdf](#)
4. [2.5.4.pdf](#)
5. [2.5.5.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelanggan utama bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan inovasi merangkumi staf akademik, pelajar, dan pihak industri. Kewujudan kolaborasi dua hala antara universiti kebangsaan mahupun antarabangsa turut berperanan sebagai pemangkin bidang penyelidikan dan inovasi fakulti. FSK menggunakan pelbagai platform untuk penyimpanan data berkaitan hasil penyelidikan dan penerbitan. Platform digital seperti MyGrants dan iPRO2u (Grant Proposal System) digunakan untuk pemantauan aktiviti penyelidikan staf dan universiti manakala aplikasi PRISMa pula dirujuk untuk rekod penerbitan. Rekod hasil inovasi dan perakuan harta intelek pula dirujuk melalui sistem digital IRMIs (integrated RMI services). Selain daripada menjadi sebahagian daripada ukuran penilaian sasaran kerja tahunan (SKT) staf akademik, pelbagai insentif khas diperuntukkan kepada staf yang aktif menyumbang kepada aktiviti penyelidikan dan penerbitan, seperti wang keraian, sijil, medal dan trofi sebagai tanda penghargaan dalam usaha membangunkan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Penganugerahan melalui Hari Kualiti FSK untuk hasil penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi dan inovasi turut dilaksanakan setiap tahun sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada usaha staf fakulti. Ganjaran bagi pihak industri dan universiti adalah bersifat dua hala melalui pengukuhan nama atau *branding* sesebuah universiti dan pencapaian kedudukan QS Ranking universiti.

Terdapat pelbagai risiko yang dikenal pasti di dalam konteks penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan iaitu dari segi etika penyelidikan atau *ethics*, ciplak atau plagiarisme intelektual atau inovasi, lambakan journal tidak beretika dikenali sebagai *predatory journal*, kegagalan pelajar pascasiswazah bergraduat pada masa ditetapkan atau lebih sinonim dengan Graduate on Time (GOT). Kesemua risiko dikenalpasti ini boleh menjejaskan tumpuan pelanggan dan perjalanan penyelidikan, serta memberi impak secara terus kepada skor Myra sesebuah universiti. Pelbagai tindakan penambahbaikan dibuat oleh Pejabat Penyelidikan Fakulti untuk memperbaiki prestasi penyelidikan dan penerbitan. Antaranya ialah penubuhan unit *Rising Star* bagi melatih penyelidik muda dan berbakat dalam bidang penyelidikan dan penghasilan penerbitan yang berimpak tinggi. Hasil daripada usaha berkenaan adalah pelbagai grant dalaman mahupun luar yang berjumlah RM 2,034,910.00 pada tahun 2019 dan RM 663,000.00 pada tahun 2020 berjaya diperolehi. Kejayaan ini secara tidak langsung menjadi skala pengukur terhadap keberkesanan usaha kepimpinan kanan fakulti dalam memacu prestasi penyelidikan dan penerbitan fakulti.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan merupakan perkara penting bagi sesebuah fakulti mahupun universiti dalam mencapai objektif bagi setiap pelaksanaan program yang meliputi bidang penyelidikan, penerbitan dan jaringan industri. Tumpuan pelanggan FSK adalah terdiri daripada staf akademik, pelajar semasa dan pascasiswazah dan industri.

Staf akademik merupakan pelanggan utama bagi bidang tumpuan penyelidikan dan penerbitan, yang menumpukan kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan budaya penyelidikan di samping meningkatkan aktiviti jaringan industri. Manakala para pelajar adalah pelanggan yang menyumbang kepada bidang tumpuan melalui aktiviti penyelidikan yang berterusan dalam membentuk graduan yang holistik dan dinamik.

Tumpuan pelanggan turut menjurus kepada kolaborasi antara universiti kebangsaan dan antarabangsa melalui perjanjian persefahaman, lawatan akademik, projek dan konferensi penyelidikan, pertandingan inovasi, kerjasama dalam aktiviti kemasyarakatan dan keusahawanan. Pihak industri turut berperanan sebagai pelanggan utama dalam memangkin bidang penyelidikan dan inovasi melalui penglibatan dua hala.

SENARAI BUKTI:

1. [Status MoU.pdf](#)
2. [Status MoA .pdf](#)
3. [Research Collaboration.pdf](#)
4. [INNOVATION_2020.pdf](#)
5. [JOURNAL_ARTICLES_2020 .pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Semua data penyelidikan yang melibatkan staf universiti boleh diakses melalui platform digital iaitu MyGrants dan iPRO2u (Grant Proposal System). Melalui platform digital ini, permohonan geran penyelidikan boleh dipantau serta disemak oleh pelanggan dan pihak universiti. Manakala rekod penerbitan boleh dirujuk di aplikasi PRISMa. Pengemaskinian data penerbitan boleh dilakukan oleh pelanggan secara terus selari dengan keperluan semasa seperti penilaian sasaran kerja tahunan (SKT). Hasil inovasi dan perakuan harta intelek dikumpul dan direkodkan di dalam sistem digital IRMIs (integrated RMI services).

Penghasilan penyelidikan, penerbitan dan inovasi pelajar pascasiswazah dikumpul dan dianalisa secara atas talian melalui borang kaji selidik pencapaian pelajar (*FSK postgraduate Achievement Feedback Form*). Rekod penyelidikan yang melibatkan pelajar tahun akhir peringkat sarjana muda pula perlu melalui mesyuarat etika penyelidikan bagi tujuan verifikasi oleh Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri fakulti.

Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri FSK turut berperanan menyimpan dan merekodkan perjanjian persefahaman (Memorandum of Understanding, MOU) untuk tindakan dan rujukan pihak universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [MYGRANT.pdf](#)
2. [iPRO2u.pdf](#)
3. [PRISMA_compressed-2.pdf](#)
4. [IRMIs_compressed.pdf](#)
5. [MoU_FSK.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSK amat menghargai penglibatan semua peringkat dalam usaha membudayakan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan yang menjadi pengukur kepada kejayaan sesebuah insititusi atau universiti. Pelbagai insentif khas diperuntukkan kepada para pelanggan terutamanya staf seperti wang keraian untuk penghasilan penerbitan atau makalah yang berimpak tinggi. Selain itu, penghargaan disediakan kepada staf, pelajar, universiti mahupun industri di dalam bentuk surat penghargaan, sijil penyertaan, poster hebahan, medal dan trofi sebagai tanda terima kasih dalam usaha membangunkan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Usaha staf dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi juga diambil kira sebahagian daripada ukuran penilaian sasaran kerja tahunan (SKT) yang dijalankan setiap tahun melalui sistem pemantauan MyATP. Pemantauan ini seperti diketahui umum akan menyumbang kepada kemajuan kerjaya pelanggan. Selain itu, bagi melestarikan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan inovasi di dalam fakulti, penganugerahan melalui Hari Kualiti FSK kepada staf yang menghasilkan penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi dan inovasi turut dilaksanakan setiap tahun sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada usaha staf fakulti.

Manakala bagi pihak industri dan universiti, ganjaran adalah bersifat dua hala. Selain daripada jaringan atau *networking* yang lebih meluas dan berimpak melalui aktiviti penyelidikan, penerbitan dan persidangan, pengukuhan nama atau *branding* sesebuah universiti dapat dicapai, dan seterusnya memperteguh kedudukan universiti di QS Ranking di persada antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [MyATP_compressed.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Antara risiko utama yang dikenal pasti di dalam konteks penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan adalah dari segi etika penyelidikan atau *ethics* yang boleh menjejaskan tumpuan pelanggan. Di dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan mahupun inovasi, idea atau hak intelek bagi sesebuah kajian atau prototype merupakan kunci utama yang amat berharga dan ianya sering terdedah kepada risiko untuk dicitak atau ditiru. Dari aspek kelulusan etika penyelidikan pula, risiko kelulusan yang lewat boleh menjejaskan garis masa perjalanan sesebuah penyelidikan. Lambakan journal yang tidak beretika yang dikenali sebagai *predatory journal* turut boleh menjejaskan tumpuan pelanggan terutamanya dalam menghasilkan penerbitan. Penerbitan akan dijalankan dengan kadar segera tanpa melalui proses penilaian oleh pakar pakar bidang dan dikenakan yuran penerbitan yang tinggi. Kesan dari itu, makalah yang diterbitkan di *predatory journal* adalah berisiko tidak menerima petikan, dan seterusnya menghentikan metrik seperti indeks staf berkembang secepat yang mungkin. Risiko lain yang boleh menjejaskan tumpuan pelanggan terutama pelajar pascasiswazah adalah ketidakupayaan bergraduasi pada masa yang ditetapkan atau lebih sinonim dengan Graduate on Time (GOT). Risiko ini bukan sahaja akan menjejaskan perjalanan penyelidikan, tetapi memberi impak secara terus kepada skor Myra sesebuah university.

Risiko tersebut dapat diatasi melalui beberapa strategi yang diguna pakai. Antaranya adalah melalui permohonan harta intelek atau Intellectual Property Right (IPR) yang boleh dilakukan secara atas talian menerusi portal IRMIs yang dikendalikan oleh Institut Penyelidikan UiTM atau lebih dikenali sebagai Research Management Centre (RMC). Risiko kelulusan etika penyelidikan pula dapat diminimakan melalui garis panduan permohonan yang jelas. Untuk mengurangkan risiko di dalam konteks penghasilan dan penerbitan makalah di bawah predatory journal, Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti serta Research Management Centre (RMC) berperanan menyediakan senarai *predatory journal* yang perlu dielakkan oleh setiap penyelidik. Dalam mengekang risiko ketidakupayaan bergraduasi pada masa yang ditetapkan (GOT), Koordinator Pascasiswazah fakulti berperanan mengesan setiap perkembangan pelajar-pelajar pascasiswazah dan kajian mereka secara berkala, serta menganjur aktiviti yang dapat membantu pelajar seperti thesis bootcamp dan Webinar mengenalpasti Predatory Journal.

SENARAI BUKTI :

1. [Harta Intelek 2016 - 2020 .pdf](#)
2. [DATA ETHICS 2019_2020 .pdf](#)

3.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mesyuarat Penyelidikan Fakulti yang dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan bertindak menambahbaik prestasi penyelidikan dan penerbitan di fakulti melalui beberapa tindakan seperti berikut:

1. Menganjurkan bengkel etika penyelidikan kepada staf akademik yang bertindak sebagai penilai kepada borang permohonan etika penyelidikan bagi memastikan permohonan mematuhi garis panduan dan lengkap.
2. Pemakluman atau hebahan awal Jadual Mesyuarat Etika Penyelidikan kepada staf melalui email dapat memberi ruang kepada staf untuk melakukan persediaan awal dan merancang perjalanan penyelidikan.
3. Menubuhkan unit *Rising Star* yang melatih penyelidik muda dan berbakat untuk mendekati bidang penyelidikan dan menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi

Mesyuarat Pascasiswazah Fakulti yang dipengerusikan oleh Koordinator Pascasiswazah bertindak menambahbaik prestasi penyelidikan pelajar pascasiswazah melalui tindakan seperti penganjuran Webinar yang membantu pelajar mengenalpasti *Predatory Journal*.

SENARAI BUKTI :

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui penganjuran bengkel etika penyelidikan kepada staf akademik yang bertindak sebagai penilai dan juga hebahan awal mesyuarat etika penyelidikan kepada pemohon, kelulusan permohonan etika penyelidikan di peringkat fakulti dan universiti menunjukkan peningkatan yang memberansangkan. Sepanjang tahun 2019 sebanyak 33 buah penulisan buku telah berjaya diterbitkan dan peningkatan yang amat ketara dapat dilihat pada tahun seterusnya di mana sebanyak 45 buah penulisan terhasil dari usaha semua warga akademik Fakulti Sains Kesihatan. Kecemerlangan yang berterusan boleh dinilai melalui penerbitan artikel journal amat mengujakan, sebanyak 126 artikel journal yang berjaya dihasilkan pada tahun 2019 diikuti dengan 98 artikel journal pada tahun 2020. Di samping itu, penghasilan *proceeding journal* melalui persidangan atau *conference*, hasil inovasi dan penerbitan awam yang mampan dari tahun ke tahun turut menjadi kayu pengukur kepada keberkesanan perancangan dan tindakan pengurusan Pejabat Jaringan Industri dan Penyelidikan.

Penubuhan unit *Rising Star*, yang menjadi titik tolak dalam memperkasakan bidang penyelidikan dan penerbitan serta inovasi telah banyak membuahkan hasil, antaranya dengan penghasilan platform penerbitan iaitu Healthscope yang ditubuhkan untuk merencanakan agenda ini dalam kalangan staff akademia. Selain itu, pelbagai geran telah berjaya diraih yang melibatkan geran dalaman mahupun luaran yang berjumlah sebanyak RM 2,034,910.00 pada tahun 2019 dan RM 663,000.00 pada tahun 2020. Hasil kejayaan-kejayaan ini secara tidak langsung menjadi skala pengukur terhadap keberkesanan usaha kepimpinan kanan fakulti dalam memacu dan menambah baik prestasi penyelidikan dan penerbitan fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [JOURNAL_ARTICLES_2020.pdf](#)
2. [DATA GERAN PENYELIDIKAN.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FSK telah berusaha mengaplikasi setiap petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi UiTM (melalui Bahagian Transformasi Universiti – BTU) sebagai pengukur utama bagi merealisasikan usaha UiTM menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu. Ukuran bagi bidang penyelidikan ditumpukan kepada penyelidikan yang dijalankan bersama institusi tempatan dan luar negara, Projek Komuniti (Knowledge Transfer Programme (KTP), Rangkaian Dan Hubungan Dengan Pihak Luar dan Geran Penyelidikan. Bidang penerbitan pula diukur melalui penghasilan buku, bab dalam buku penyelidikan, artikel, jurnal, kertas prosiding dan penerbitan umum. Manakala bagi bidang pengkomersialan pula ukuran yang digunapakai adalah penghasilan harta intelek, hak cipta dan penghasilan paten. Data penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan ini telah dikongsikan kepada FSK melalui mesyuarat Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bersama Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) yang diadakan pada setiap akhir tahun dengan tujuan pemantauan prestasi dan analisis strategic. FSK telah menggunakan beberapa kaedah bagi pemantauan data bagi bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Namun begitu, perkara yang paling penting bagi memastikan data-data ini dapat dikumpulkan dengan efisien adalah dengan mendapatkan kerjasama daripada semua yang terlibat khususnya daripada warga FSK. FSK juga telah mengambil pendekatan dengan memberikan pendedahan mengenai halatuju dan kepentingan pengumpulan data bagi memastikan semua aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat direkodkan dengan baik dan membantu proses analisa dan pemantauan. Hasil daripada analisa dan pemantauan data pencapaian serta risiko yang berkaitan dengan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, FSK telah mengkaji semula tindakan dan strategik FSK iaitu strategi FSK bagi mempertingkatkan 3 section utama, cadangan inisiatif penyelidikan FSK, program pemantapan bagi staf yang kurang aktif dan memperkukuhkan task force FSK. Perkara ini telah dipanjangkan kepada warga FSK melalui saluran komunikasi FSK. FSK telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan menjadi amalan dan pembudayaaan. Antaranya dengan penganjuran beberapa program bagi meningkatkan lagi penglibatan warga FSK khusus nya di bidang inovasi seperti penganjuran International Innovation Invention Creation and Exhibition (IICE) yang mana program ini telah dijadikan sebagai program tahunan FSK bagi mencungkil bakat-bakat muda di bidang inovasi .Selain daripada itu, bagi menjadikan amalan dan budaya kearah kecemerlangan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan ini, FSK telah menggunakan sepenuhnya media komunikasi FSK iaitu melalui laman sesawang FSK bagi menghebahkan peluang-peluang permohonan geran, konferens dan jaringan antara industry, komuniti dan alumni yang ada bagi menggalakkan warga FSK menyertainya.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah mengembeling usaha dan strategi khususnya bagi mengukur, menganalisa dan menguruskan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (3P).

Ianya adalah sebagai menyahut usaha UiTM yang merupakan sebuah universiti awam terbesar di Malaysia agar terus kekal dan relevan di bawah penarafan Quacquarelli Symonds World University Rankings (QS-WUR).

Dalam usaha untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025, usaha sama berpasukan di FSK disinergikan melalui pelan strategik transformasi UiTM2025. Antaranya, pemetikan tiap fakulti (citation per faculty) merupakan salah satu kaedah pengukuran QS-WUR perlu dipertingkatkan agar UiTM yang kini berada di kedudukan 651-700 daripada 1,002 universiti seluruh dunia dapat dilonjakkan (**Bukti 1**).

Sehubungan itu, FSK telah berusaha mengaplikasi setiap petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi UiTM (melalui Bahagian Transformasi Universiti – BTU) sebagai pengukur utama bagi merealisasikan usaha UiTM menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu (**Bukti 2**).

Ukuran bagi bidang penyelidikan ditumpukan kepada penyelidikan yang dijalankan bersama institusi tempatan dan luar negara, Projek Komuniti (Knowledge Transfer Programme (KTP), Rangkaian dan Hubungan Dengan Pihak Luar dan Geran Penyelidikan. Bidang penerbitan pula diukur melalui penghasilan buku, bab dalam buku penyelidikan, artikel, jurnal, kertas prosiding dan penerbitan umum. Manakala bagi bidang pengkomersialan pula ukuran yang digunapakai adalah penghasilan harta intelek, hak cipta dan penghasilan paten.

Berdasarkan PI yang ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi UiTM dan pencapaian tahun sebelum, FSK telah menganjurkan Bengkel Pelan Strategik FSK bagi membincangkan hala tuju FSK dan telah disampaikan kepada warga FSK melalui Amanat Dekan 2020 (**Bukti 2**).

Hasil daripada bengkel ini Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri (PJI) FSK telah mengambil inisiatif meneruskan usaha merancang dan menentukan hala tuju PJI FSK bagi tahun 2020-2022. Berpandu kepada perkhidmatan yang disediakan iaitu penyelidikan dan inovasi; penerbitan, perundingan dan kecemerlangan, jaringan industri, masyarakat dan alumni; dan keusahawanan, FSK telah membangunkan “Research Excellence Framework” yang menumpukan kepada PI yang telah ditetapkan oleh UiTM (**Bukti 3**).

Beberapa strategi telah ditetapkan dan dikongsikan kepada semua warga FSK antaranya adalah seperti berikut (**Bukti 4**).

SENARAI BUKTI:

1. [Pengukuran QS-WUR .pdf](#)
2. [Petunjuk prestasi \(PI\) .pdf](#)
3. [halatuju PJI FSK .pdf](#)
4. [Research Excelence Framework.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Data-data berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan adalah seperti berikut:

Penerbitan:

1. Jumlah penerbitan berindeks: Prosiding persidangan dalam SCOPUS / WoS.
2. Bilangan penerbitan berindeks: Jurnal dalam SCOPUS / WoS / ERA.
3. Bilangan penerbitan berimpak tinggi
4. Jumlah penerbitan bersama yang diindeks dengan kolaborator Nasional
5. Jumlah penerbitan bersama yang diindeks dengan Kolaborator Industri
6. Jumlah penerbitan bersama yang diindeks dengan Kolaborator Antarabangsa
7. Bilangan penerbitan berindeks: Jurnal di MyCite
8. Jumlah penerbitan yang diterbitkan oleh UiTM Press dan penerbit lain
9. Bilangan karya budaya atau pameran
10. Institusi *h-index*
11. Jumlah kutipan penerbitan terindeks

Penyelidikan

1. Bilangan penyelidik utama (PI) untuk geran penyelidikan: Dibiayai oleh negara
2. Bilangan penyelidik utama (PI) untuk geran penyelidikan: Dibiayai oleh Industri
3. Bilangan penyelidik utama (PI) untuk geran penyelidikan: Dibiayai oleh antarabangsa
4. Jumlah geran penyelidikan: Dibiayai oleh negara
5. Jumlah geran penyelidikan: Dibiayai oleh Industri
6. Jumlah geran penyelidikan: Dibiayai oleh antarabangsa
7. Bilangan penyelia utama MS atau PhD oleh penyelidikan yang bukan penyelidik utama
8. Bilangan penyelia utama MS atau PhD oleh penyelidikan yang bukan penyelidik utama
9. Peratusan projek penyelidikan disiapkan tepat pada waktunya

Pengkomersialan

1. Bilangan paten yang difailkan
2. Bilangan IPR lain
3. Jumlah produk / perkhidmatan inovasi berjaya dikomersialkan
4. Jumlah perlesenan pengetahuan teknologi

(Bukti 1)

Data-data ini telah dikongsikan kepada FSK melalui mesyuarat Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bersama Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) yang diadakan pada setiap akhir tahun dengan tujuan pemantauan prestasi dan analisis strategic **(Bukti 1)**.

PSTU FSK pula akan membentangkan kesemua PI yang ditetapkan di bawah *Strategic Action Plan* (SAP) UiTM kepada Pihak Pengurusan Tertinggi FSK sebelum dikongsikan kepada semua warga FSK agar kesepakatan dan usaha sama dapat digembeling bagi memastikan setiap PI dapat dicapai.

Dalam usaha memastikan FSK mampu mencapai PI bagi bidang penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan yang ditetapkan, Bengkel Pelan Strategik FSK dijalankan dimana selain daripada membincangkan strategi bagi mencapai PI tersebut, target pencapaian bagi setiap suku tahunan juga akan ditetapkan **(Bukti 2)**.

Selain daripada penerangan dan perbincangan mengenai SAP bagi mencapai PI yang ditetapkan, warga pengurusan FSK juga diberi pendedahkan mengenai sistem pelaporan yang merupakan satu elemen penting **mengukur, menganalisa dan menguruskan bidang** penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan.

FSK mengambil pendekatan dengan mengunapakai template pelaporan bulan dimana template ini akan dikongsikan kepada kakitangan terlibat dalam usaha mengumpulkan data berkaitan penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan **(Bukti 3)**.

Data bulanan ini pula akan dikumpulkan menjadi Laporan Suku Tahunan (Q1 hingga Q4) yang mana akan menjadikan pelaporan pencapaian tahunan FSK keseluruhan **(Bukti 3)**.

SENARAI BUKTI :

1. [Data-data berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.pdf](#)
2. [PSTU FSK .pdf](#)
3. [pelaporan bulan .pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSK telah menggunakan beberapa kaedah bagi pemantauan data bagi bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Namun begitu, perkara yang paling penting bagi memastikan data-data ini dapat dikumpulkan dengan efisien adalah dengan mendapatkan kerjasama daripada semua yang terlibat khususnya daripada warga FSK.

FSK telah mengambil pendekatan dengan memberikan pendedahan mengenai halatuju dan kepentingan pengumpulan data bagi memastikan semua aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat direkodkan dengan baik dan membantu proses analisa dan pemantauan.

Data-data yang dikumpulkan daripada warga FSK akan dinilai setiap dua (2) bulan oleh unit BTU yang dikendalikan bersama Timbalan Dekan PJI dan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) **(Bukti 1)**.

Selain daripada itu, hasil penilaian dan pemantauan ini juga dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) FSK bertujuan untuk pembentangan pencapaian dan untuk mendapatkan kelulusan fakulti bagi tindakan penambahbaikan berdasarkan hasil pemantauan yang telah dikenalpasti.

Berikut adalah laporan hasil pencapaian bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan FSK bagi tahun 2020 serta hasil pemantauan serta strategi FSK untuk tahun 2021 yang telah dikongsikan bersama kepada warga FSK **(Bukti 2)**.

SENARAI BUKTI:

1. [Pemantauan MPE.pdf](#)
2. [Pemantauan serta strategi FSK .pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sepanjang tahun 2020, FSK telah mengenalpasti risiko yang berkaitan dengan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan antaranya adalah seperti berikut:

Bilangan penerbitan berindeks tidak pernah mencapai sasaran yang telah diletakkan oleh pihak BTU. Ini adalah disebabkan bilangan denominator yang menyumbang kepada PI FSK amat rendah

Pencapaian geran bagi FSK yang banyak bergantung kepada geran dalaman UiTM seperti Geran Lestari, *Geran* Insentif Penyeliaan (GIP), Geran Dana UiTM Cawangan Selangor (DUCS) dan sebagainya. Kesukaran penyelidik menembusi penyelidikan industri dan antarabangsa.

Kurangnya kefahaman warga FSK mengenai kepentingan pelaporan data berkaitan bidang ini. Pelaporan merupakan elemen yang penting kerana ianya akan memberi impak yang besar di dalam kejayaan atau keberkesanan bukan sahaja kepada bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan juga terhadap kejayaan dan kecemerlangan sesebuah fakulti.

Berikutan Pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang berlaku pada tahun 2020 telah sedikit sebanyak memberikan kesan kepada bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Antaranya kesukaran bagi para penyelidik meneruskan kajian dan keadaan yang tidak menentu ini menyebabkan banyak projek tertangguh dan tidak dapat ditamatkan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Selain daripada itu, banyak konferens yang terpaksa dibatalkan atau ditangguhkan berikutan kawalan pergerakan ini dan sebagai langkah kawalan jangkitan Covid-19 ini.

Salah satu risiko bidang ini adalah implikasi kewangan bagi membolehkan FSK menerima geran dan meneruskan bidang ini.

Kesemua risiko yang dikenalpasti ini telah dipanjangkan kepada pihak pengurusan FSK dan UiTM untuk tindakan selanjutnya.

Setakat tahun 2019-2020, tiada lagi data yang berkaitan risiko yang diseragamkan oleh pihak UiTM sehingga di akhir tahun 2020, BTU telah memperkenalkan data berkaitan risiko bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan seperti berikut iaitu:

- jumlah geran penyelidikan berimpak tinggi yang rendah,
- nisbah penambahan indeks kakitangan yang rendah,
- cation petikan kakitangan rendah,
- penyelidikan berimpak rendah kepada masyarakat dan industri.

- kepimpinan yang lemah dalam penyelidikan canggih; dan
- ekosistem penyelidikan yang tidak menyokong

(Bukti 1)

perkara ini juga telah dibawa kepada perhatian Pihak Pengurusan Tertinggi FSK dan warga FSK bagi salah satu elemen Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan untuk tahun berikutnya **(Bukti 2)**.

SENARAI BUKTI :

1. [Pemantauan serta strategi FSK .pdf](#)
2. [Kenal Pasti Risiko \(ACT\) .pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil daripada analisa dan pemantauan data pencapaian serta risiko yang berkaitan dengan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, FSK telah mengkaji semula tindakan dan strategik FSK iaitu strategi FSK bagi mempertingkatkan 3 section utama, cadangan inisiatif penyelidikan FSK, program pemantapan bagi staf yang kurang aktif dan memperkukuhkan task force FSK. Perkara ini telah dipanjangkan kepada warga FSK melalui saluran komunikasi FSK.

Berikut adalah beberapa strategi yang telah dikenalpasti dan diambil tindakan penambahbaikan antaranya adalah seperti berikut **(Bukti 1 dan Bukti 2)**.

Selain daripada itu, FSK telah menganjurkan bengkel-bengkel berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan bagi memotivasi dan menggalakkan warga akademik bergiat aktif dalam bidang ini. Tidak ketinggalan FSK telah mempromosikan dan memastikan hebahan berkaitan bidang ini dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan maklumat berkaitan dapat sampai kepada warga FSK **(Bukti 3)**.

SENARAI BUKTI :

1. [3 Section for MYRA.pdf](#)
2. [Pembiayaan insentif penerbitan.pdf](#)
3. [Bengkel.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada inisiatif yang telah dijalankan oleh FSK telah berjaya melonjakkan Malaysia Research Assessment (**MyRA**) FSK bagi tahun 2020 (**Bukti 1**).

FSK telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memastikan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan menjadi amalan dan pembudayaan. Antaranya dengan penganjuran beberapa program bagi meningkatkan lagi penglibatan warga FSK khususnya di bidang inovasi seperti penganjuran International Innovation Invention Creation and Exhibition (IICE) yang mana program ini telah dijadikan sebagai program tahunan FSK bagi mencungkil bakat-bakat muda di bidang inovasi (**Bukti 2**).

Selain daripada itu, bagi menjadikan amalan dan budaya kearah kecemerlangan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan ini, FSK telah menggunakan sepenuhnya media komunikasi FSK iaitu melalui laman sesawang FSK bagi menghebahkan peluang-peluang permohonan geran, konferens dan jaringan antara industri, komuniti dan alumni yang ada bagi menggalakan warga FSK menyertainya (**Bukti 3**).

FSK juga tidak ketinggalan akan menghebahkan kejayaan yang dicapai oleh warga FSK khususnya yang berjaya menerbitkan hasil kajian mereka dan bagi yang Berjaya memperoleh geran kajian. Tujuannya adalah bagi membangkitkan semangat warga FSK untuk bidang ini dan menarik lebih ramai lagi warga FSK menyertai bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (**Bukti 4**).

Selain daripada itu, FSK menggalakkan para pelajar dan penyelia Projek Tahun Akhir dan Disertasi agar berusaha menjadikan hasil kajian mereka mempunyai nilai untuk dibentang dan diterbitkan.

FSK juga menghargai usaha warga FSK yang cemerlang di bidang ini dan dianugerahkan tokoh semasa Majlis Anugerah Kecemerlangan FSK (**Bukti 5**).

SENARAI BUKTI :

1. [MYRA 2019-2020.pdf](#)
2. [International Innovation Invention Creation and Exhibition \(IICE\).pdf](#)
3. [media komunikasi FSK .pdf](#)
4. [Hebahan Kecemerlangan.pdf](#)
5. [Anugerah Kualiti FSK.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan: Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri yang terdiri daripada empat (4) staf pengurusan dan staf professional sentiasa berusaha meningkatkan kualiti kerja bagi kecemerlangan unit-unit di bawah TDPJI yang terdiri daripada:

- i. Unit penyelidikan & inovasi
- ii. Unit penerbitan, perundingan & kecemerlangan
- iii. Unit jaringan industry, masyarakat & alumni (ICAN)
- iv. Unit Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship (MASMED)
- v. Unit Pengurusan Klinik

Setiap unit ini juga mempunyai koordinator masing-masing yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal yang berlainan mengikut KPI unit masing-masing.

Pelaksanaan: Setiap unit di bawah naungan TDPJI mempunyai system tadbir urus yang berbeza mengikut keperluan KPI unit masing-masing dimana kakitangan unit tersebut bermesyuarat setiap bulan bagi menguruskan hal-hal yang melibatkan penyelidikan seperti:

- i. menilai dan meluluskan permohonan-permohonan etika dari FSK ke Jawatankuasa Etika Universiti,
- ii. menilai, menambahbaik dan seterusnya menyokong permohonan geran dalaman dan luaran dari FSK untuk dimajukan,
- iii. menilai dan menambahbaik manuskrip makalah dari pensyarah-pensyarah FSK untuk diterbitkan di journal langganan FSK (Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences), dan
- iv. merancang langkah-langkah meningkatkan prestasi PJI Fakulti dari masa ke semasa

Pemantauan: Pemantauan adalah dijalankan di bawah unit masing-masing dan dijalankan secara berkala dari masa ke semasa. Contohnya, di bawah unit penyelidikan & inovasi, pemantauan dijalankan oleh Penolong Pendaftar Kanan, Pn Suhana Sulaiman setiap enam (6) bulan. Beliau akan mendapatkan status prestasi terkini setiap melalui ketua jabatan dan kemudiannya akan memastikan setiap pensyarah mengemaskini profil MyRA masing-masing.

Tindakan penambahbaikan: Tindakan penambahbaikan juga di jalankan mengikut unit masing-masing di bawah PJI. Contohnya, di bawah unit penyelidikan & inovasi, latihan secara berkala mengenai semakan borang etika diberikan kepada para pensyarah. Bengkel-bengkel seperti ini dijalankan untuk melatih Pensyarah melengkapkan borang etika dengan lebih baik. Selain dari itu, pensyarah-pensyarah berpotensi untuk menerbitkan jurnal artikel juga dikenalpasti dan dimasukkan ke dalam program MEE (Mentor, Enforce, Execute) (sila rujuk lampiran) dimana pensyarah-pensyarah berpotensi (Mentee) akan dibantu oleh Mentor masing-masing untuk menghasilkan penerbitan berindeks sebagai penuli utama atau *corresponding author*. Jawatankuasa kecil bagi menilai geran dalaman (contohnya DUCS) dan luaran (contohnya FRGS) juga di bentuk di bawah unit penyelidikan & inovasi bagi membantu para pensyarah menyediakan permohonan geran yang lebih berpotensi dan berdaya saing (sila

rujuk lampiran). Perkongsian daripada Pensyarah yang telah berjaya mendapatkan geran juga diadakan di peringkat fakulti (sila rujuk lampiran).

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berikut merupakan beberapa langkah yang telah di ambil oleh bahagian PJI bagi mencapai seberapa banyak KPI Bahagian PJI. Dengan kata lain, Berikut merupakan pendekatan Bahagian PJI bagi memanfaatkan potensi dan kelebihan setiap Pensyarah untuk mencapai KPI PJI Fakulti.

Pertama, KPI Bahagian PJI fakulti adalah dibahagi secara adil mengikut setiap pusat pengajian. Seawal bulan Januari, TDPJI, PM Dr Nazri Che Dom telah mengadakan pertemuan (sila rujuk lampiran 3 agihan PI PJI FSK) dengan pensyarah-pensyarah di setiap Pusat pengajian untuk menerangkan pendekatan ini. Secara terperinci, setiap pusat pengajian diberikan target secara adil bagi bilangan penerbitan (prosiding [PI60], jurnal berindeks [PI61], terbitan bersama industri [PI64], nasional [PI63] dan antarabangsa [PI65]), geran (dalaman, nasional, industry dan antarabangsa [PI71-76]) dan jaringan industri (PI84-89) yang perlu dicapai.

Kedua, bermula dari tahun ini PJI FSK melanggan satu siri terbitan Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences (MJMHS, jurnal Q4 [Scopus]) dimana pengahantaran manuskrip oleh pensyarah-pensyarah FSK adalah ditanggung oleh Fakulti. Jawatankuasa juga dibentuk untuk membantu memperhalusi manuskrip yang telah disiapkan tetapi memerlukan bantuan. Projek ini telah berjaya menerbitkan 46 makalah (sila rujuk lampiran jumlah terbitan makalah FSK) dimana kesemuanya adalah daripada pensyarah-pensyarah FSK. Perincian bagi 46 makalah tersebut boleh di akses di pautan tersebut, https://medic.upm.edu.my/jurnal_kami/malaysian_journal_of_medicine_and_health_sciences_mjmhs/mjmhs_vol17_supp_3_june_2021-61880

Ketiga, beberapa siri bengkel secara online juga telah dijalankan bagi mengisi keperluan para pensyarah memenuhi KPI-KPI Jabatan masing-masing. Contohnya, pada 28/6/2021, ceramah "Gaya Penulisan Ilmiah: Artikel, Akhbar & Majalah" telah diadakan melalui platform google meet oleh PJI (sila rujuk lampiran Gaya Penulisan).

Keempat, pensyarah yang berjaya menerbitkan makalah akan diiklankan di *FB page* FSK (sila rujuk lampiran Bukti Makalah Siar di FB) dan kumpulan Whatsapp FSK. Tindakan sebegini dilihat dapat menaikkan semangat di kalangan pensyarah yang lain dan menghargai pensyarah yang telah bertungkus lumus menerbitkan makalah mereka.

Kelima, bahagian PJI juga ada memberikan insentif penerbitan (sila rujuk lampiran Pembayaran Insentif Penerbitan FSK) kepada para pensyarah yang telah berjaya menerbitkan makalah mereka di jurnal-jurnal berimpak tinggi. Yuran penerbitan bagi jurnal berindeks Scopus/ WOS sebanyak RM1000 juga ditanggung oleh bajet penerbitan PJI.

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 3 AGIHAN PI PJI FSK 2021\(2\) compressed compressed.pdf](#)
2. [Gaya Penulisan.pdf](#)
3. [bukti makalah siar di FB.pdf](#)
4. [LAMPIRAN JUMLAH TERBITAN MAKALAH FSK.pdf](#)
5. [pembayaran insentif penerbitan FSK.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi setiap unit di bawah PJI, peruntukan kewangan adalah diberikan dari segi latihan dan *certification*. Contohnya, di bawah jawatankuasa penyelidikan FSK, dua (2) ahli jawatankuasa (sila rujuk lampiran Tentatif dan Sijil kehadiran MCRCR) telah dihantar bagi menghadiri kursus Malaysian Code of Responsible Conduct of Research (MCRCR) pada 19/8/2019 dan seterusnya menduduki peperiksaan MCRCR. Kedua-dua ahli jawatankuasa telah lulus peperiksaan dan seterusnya dilantik menjadi ahli jawatankuasa bersekutu Jawatankuasa Etika UiTM di Shah Alam. Pelantikan ini secara tidak langsung akan memberi pendedahan dan latihan penilaian borang permohonan etika bagi meningkatkan kekuatan tenaga kerja di dalam jawatankuasa penyelidikan.

SENARAI BUKTI :

1. [tentatif MCRCR.pdf](#)
2. [Sijil kehadiran MCRCR.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSK amat mementingkan kemudahan yang efektif dan mengambilkira setiap keperluan pelanggan dalam aspek Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan. Sehubungan itu, pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) Fakulti Sains Kesihatan (FSK) cawangan Selangor Kampus Puncak Alam sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi warga FSK. Usaha tersebut termasuklah menjalankan suatu soal selidik di kalangan kakitangan FSK bagi mengenalpasti kekurangan serta mendapatkan maklumbalas tahap kepuasan perkhidmatan pejabat PJI serta pandangan warga FSK akan perkara ini. Maklumbalas ini diambil bertujuan bagi menambahbaik kaedah, pendekatan serta sistem pengurusan PJI agar sentiasa mematuhi polisi, peraturan dan garis panduan UiTM. Selain itu, ianya berfungsi untuk meningkatkan kualiti pentadbiran, penyampaian perkhidmatan dan impak keberhasilan FSK dan UiTM secara keseluruhannya.

Soal selidik tersebut yang diketuai oleh Unit Kualiti FSK ini telah dijalankan secara konsisten setiap tahun dengan mengambilkira tempoh satu (1) tahun perkhidmatan pengurusan PJI iaitu dari Jun 2019 sehingga Jun 2020. Dengan menggunakan mekanisma secara atas talian bagi mengadaptasi sistem kerja sewaktu pandemik iaitu pembudayaan norma baharu bagi kakitangan yang Berkerja Dari Rumah (BDR), pihak pejabat PJI menyediakan pelbagai mekanisma, antaranya melalui lisan (melalui telefon dan sesi temu bual atau diskusi), salinan bercetak (melalui surat rasmi, e-mel atau peti cadangan) dan tidak ketinggalan melalui mod digital iaitu pelantar media sosial (whatapps, telegram, dll). Melalui maklumbalas ini, prestasi perkhidmatan dapat dinilai atau diambil tindakan sewajarnya bagi perlaksanaan pada masa akan datang.

Soal selidik tersebut telah dijalankan dikalangan 121 orang kakitangan yang berkhidmat di FSK, dimana responden ini kerap kali berurusan dan menggunakan perkhidmatan di pejabat PJI. Soal selidik tersebut menilai tahap prestasi penyampaian perkhidmatan pejabat PJI terhadap warga FSK secara keseluruhannya dalam tempoh satu (1) tahun. Hasil dapatan soal selidik itu mendapati prestasi pencapaian perkhidmatan PJI adalah berada di tahap cemerlang dengan peratusan 95.9% daripada keseluruhan responden. Walaubagaimanapun terdapat 4.1% telah memberikan peratusan bagi pencapaian yang rendah bagi perkhidmatan PJI. Namun begitu, pejabat PJI FSK sentiasa mengambil kira peratusan minor ini sebagai ruang menambahbaik perkhidmatan agar peratusan ini bakal dimaksimakan pada masa akan datang. (*Lampiran 1 Kajiselidik tahap pencapaian perkhidmatan pejabat PJI FSK oleh warga FSK cawangan Selangor Kampus Puncak Alam*)

SENARAI BUKTI:

1. [Lampiran 1 soalselidik terhadap pengurusan PJI.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pejabat PJI mementingkan kelancaran sistem dan proses kerja dalam pengurusan perkhidmatan PJI. Demikian itu pengurusan PJI terbahagi kepada empat (4) unit utama bagi memastikan skop kerja dan peranan setiap unit pengurusan yang lebih sistematik dan efisien: (Lampiran 2 (Perbincangan Halatuju PJI FSK Tahun 2020 – 2022))

- Unit Penyelidikan & Inovasi
- Unit Penerbitan, Perundingan dan Kecemerlangan
- Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN)
- Unit *Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship* (MASMED)

Setiap unit ini diwujudkan dengan tujuan kelancaran pengurusan berkaitan penyelidikan dan jaringan industri disamping tugas kerja yang lebih teratur dan lebih fokus bagi setiap unit. Selain itu, ia juga untuk memastikan keseimbangan bebanan kerja bagi setiap kakitangan pejabat PJI yang dilihat sebahagian daripada pengurusan risiko di pejabat yang mampu mengekang tekanan fizikal dan emosi kakitangan.

Selain itu juga, pengurusan risiko turut diperhalusi dalam pengagihan Performance Indicator (PI) tahunan bagi setiap pusat pengajian (PP) dalam FSK dimana ianya diseimbangkan mengikut kategori penyelidikan dan keperluan sesuatu PP. Pejabat PJI FSK telah mengklasifikasikan KPI penerbitan minimum tahunan staf akademik FSK mengikut empat (4) trek utama (i) penyelidikan; (ii) pengajaran dan pembelajaran; (iii) kepimpinan institusi; (iv) pengamal industri dan kategori penyelidik (*Leading Research* dan *Capable Research*). PI bagi setiap PP juga turut terbahagi kepada enam (6) komponen: (Lampiran 3 Agihan PI PJI FSK 2021)

- Penerbitan
- Geran penyelidikan
- Jumlah geran penyelidikan
- ICAN
- Bendahari
- MASMED

Pengagihan yang diperhalusi mengikut trek dan kategori ini dilihat sebagai usaha pejabat PJI FSK dalam pengurusan risiko. Ini bertujuan demi kesetaraan dan keseimbangan tanggungjawab setiap trek, kategori dan PP mengikut kesesuaian bebanan kerja dan tenaga kerja dalam organisasi masing-masing.

Selain itu, pengurusan PJI FSK terhadap pengendalian geran juga menggunakan garis panduan yang dikeluarkan oleh RMC dimana garis panduan umum diedarkan kepada para akademik dan penyelidik untuk makluman mereka. Inisiatif ini dilihat sebahagian daripada

pengurusan risiko terhadap permononan geran sama ada geran dalaman atau pun luaran. (Lampiran 4 Garis Panduan Penilaian Penyelidikan RAGS).

Prestasi MyRA dan pencapaian serta impak geran penyelidikan FSK turut dijadikan bahan ukuran dalam pencapaian penyelidikan fakulti dimana sistem ini berteraskan pentaksiran untuk mengukur input, output, hasil dan impak Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersilan & Inovasi (RDCI) sesebuah universiti. Fakulti meletakkan sasaran untuk meningkatkan skor MyRA setiap tahun dimana ianya menyumbang kepada pencapaian MyRA keseluruhan universiti. Begitu juga dengan pencapaian dan impak geran tahunan turut menjadi sasaran fakulti saban tahun. Hasil pencapaian dalam MyRA dan perolehan geran menjadi antara faktor terpenting bagi penambahbaikan pengurusan PJI FSK. Pengurusan risiko dari aspek ini dilihat melalui jumlah geran yang telah disiapkan serta impak geran tersebut. (Lampiran 5 Laporan Pencapaian MyRA FSK Tahun 2020 dan Lampiran 6 Laporan pencapaian dan impak geran penyelidikan).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 2 Perbincangan Halatuju PJI FSK 2020-2022 \(2\)_compressed.pdf](#)
2. [Lampiran 3 AGIHAN PI PJI FSK 2021\(2\)_compressed_compressed.pdf](#)
3. [Lampiran 4 Garis panduan pengendalian penilaian RAGS_compressed.pdf](#)
4. [Lampiran 5 LAPORAN PRESTASI MYRA FSK 2020\(2\)_compressed.pdf](#)
5. [Lampiran 6 PRESTASI PENYELIDIKAN FAKULTI DI UCS 2016-2020a\(2\)_compressed.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pejabat PJI sentiasa berusaha melakukan penambahbaikan secara berterusan terutama dalam aspek menambahbaik sistem kerja serta proses kerja dalam pengurusan PJI. Ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan PJI yang lebih efisien buat warga FSK serta memberikan impak yang lebih fokus dengan mempertingkatkan prestasi PJI FSK. Ianya termasuklah tadbir urus PJI yang meliputi DUA (2) komponen utama iaitu:

- Penyelidikan
- Jaringan Industri (Industri/Komuniti/Alumni)

Salah satu inisiatif terpenting yang dilakukan oleh pejabat PJI termasuklah mengendalikan mesyuarat tahunan bagi membincangkan halatuju PJI FSK berkaitan dua aspek yang dinyatakan terdahulu. Perbincangan utama termasuk pembentangan cadangan struktur dan senarai program PJI 2020-2022 seperti dalam Lampiran 2 (Perbincangan Halatuju PJI FSK Tahun 2020 – 2022) dimana perbincangan halatuju tersebut memberi penjelasan dan pemahaman kepada kakitangan pejabat PJI serta untuk memperolehi sokongan penuh daripada seluruh warga FSK terutama ahli akademik dan para penyelidikan dalam penglibatan yang holistik bagi pencapaian objektif jabatan dan fakulti. Perlaksanaan halatuju PJI dalam tempoh dua (2) tahun tersebut turut didukung oleh empat (4) unit utama dalam pejabat PJI, iaitu:

- Unit Penyelidikan & Inovasi
- Unit Penerbitan, Perundingan dan Kecemerlangan
- Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN)
- Unit Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship (MASMED)

Susulan timbal balas daripada gerak kerja yang telah dilaksanakan dengan jayanya, FSK telah menyalurkan penghargaan atas titik peluh usaha kakitangan FSK melalui penganjuran Majlis Anugerah Kualiti 2020 (MAK), Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), kenaikan pangkat dan surat penghargaan. Penghargaan ini dizahirkan sebagai menyuntik motivasi kakitangan FSK untuk lebih melibatkan diri dan komited terhadap pencapaian objektif jabatan. Sebagai contoh, dalam pengajuran MAK 2020 memperlihatkan beberapa anugerah yang mempertandingkan aspek PJI. Anugerah tersebut termasuklah Anugerah Penyelidik Harapan, Anugerah Penulis Jurnal Harapan, Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi, Anugerah Kolaborasi Inovasi dan Pengkormersilan Produk dan lain-lain lagi. Rujuk Lampiran 7 (Pemenang Majlis Anugerah Kualiti FSK 2020)

Selain itu, pejabat PJI turut mengambil inisiatif penambahbaikan sistem kerja dengan penambahan kakitangan harian bagi kelancaran pengurusan memandangkan skop kerja tambahan di setiap unit PJI telah diperhalusi saban tahun. Demi keselesaan dan persekitaran kerja yang kondusif pula, pejabat PJI telah berpindah dari ruang pejabat asal di Aras 1 ke ruang pejabat baru di Aras 17 bangunan FSK 6 bagi menyediakan keadaan pejabat yang lebih kondusif dengan tambahan staf diikuti persekitaran kerja yang lebih selesa.

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 7 Pemenang Majlis Anugerah Kualiti FSK 2020.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sebagai sebuah jabatan yang membudayakan inovasi, pejabat PJI FSK turut menyediakan beberapa inovasi sebagai mekanisme untuk mengintegrasikan pengurusan PJI FSK yang lebih jitu dan efisien. Salah satu daripada mekanisme tersebut termasuklah penyediaan kit maklumat terbitan jurnal kepada para akademik dan penyelidik di FSK bagi memantapkan penyampaian maklumat melalui penerbitan penyelidikan.

Untuk menyahut sasaran dan mencapai hala tuju PJI FSK seperti yang dinyatakan di atas, beberapa mekanisme inovatif dan interaktif telah diwujudkan iaitu takwim tahunan penghantaran kertas

cadangan penyelidikan, takwim dan proses pengurusan etika penyelidikan di peringkat fakulti, takwim geran dalaman, serta infografik proses penerbitan hasil penyelidikan kedalam *Malaysian Journal of Public Health Medicine* (MJPHM) yang menerangkan tentang garis panduan penerbitan. Mekanisma ini diwujudkan setelah meneliti keperluan penyelidik dan kakitangan akademik dalam menjalankan penyelidikan serta penerbitan hasil kajian mereka. Ianya dilihat sebagai suatu inovasi yang memudahkan dan mendorong lebih ramai penyelidik untuk terus menyumbang dalam aspek penyelidikan. Selain itu, dengan perantaraan beberapa kakitangan akademik FSK ke dalam jawatankuasa MJPHM dilihat sebagai batu loncatan untuk kakitangan akademik lebih menceburkan diri ke dalam aktiviti penerbitan kajian dalam MJPHM.

Kesemua mekanisme yang dinyatakan ini turut digunapakai dan diseragamkan di ketiga-tiga kampus cawangan FSK iaitu di cawangan Puncak Alam (Selangor), Bertam (Pulau Pinang) serta Samarahan (Sabah).

(Lampiran 8 Takwim Permohonan Etika FSK, Lampiran 9 Takwim penghantaran kertas cadangan FSK, Lampiran 10 Takwim geran dalaman FSK, Lampiran 11 Infografik MJPHM).

SENARAI BUKTI :

1. [Lampiran 8 TAKWIM ETHICS 2021.pdf](#)
2. [Lampiran 9 KALENDAR PENGHANTARAN PROPOSAL PERINGKAT FSK 2021\(2\).pdf](#)
3. [Lampiran 10 Takwim Geran Dalaman.pdf](#)
4. [Lampiran 11 STRATEGI_PENERBITAN MJMHS \(2\)_compressed.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan kepada operasi kali ini berlandaskan kepada beberapa pendekatan yang sangat efisien, meliputi beberapa strategi. Menyasarkan staf akademik yang baru melapor diri untuk menghasilkan minimum 2 jurnal berindeks (FSK Rising Star), menasaskan setiap staf akademik menerbitkan sekurang-kurangnya 1 jurnal berindeks setahun (FSK Hero), menyediakan skim pembiayaan serta insentif penerbitan artikel jurnal berindeks Scopus/WOS dan Penerbitan buku, menjalinkan kerjasama penerbitan bersama dengan kampus cawangan dan industri luar, inisiatif menerbitkan 'Final Year Project' di kalangan pelajar sarjana muda dan mengadakan program T2B (thesis to book), serta penerangan penerbitan buku. Ironinya, segala tumpuan kepada operasi ini berperanan bagi membantu merealisasikan tema strategik penyelidikan seperti yang termaktub di dalam dokumen Pelan Strategik UiTM2025.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat beberapa proses utama yang membawa kepada pendekatan bagi menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Ini dapat dibahagikan kepada proses bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

SENARAI BUKTI:

1. [PENDEKATAN.pdf](#)
2. [Jemputan Menerbit di Jurnal Berindeks MJMHS resized.pdf](#)
3. [Taklimat Geran Penyelidikan.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan kali ini menggunakan model yang sangat sinonim iaitu “Reward and Punishment Model” atau disebut sebagai “Model Ganjaran dan Hukuman”. Ganjaran dan hukuman di dalam FSK, terutamanya sangat berkaitan dengan peluang gaji dan kenaikan pangkat, selaras dengan memenuhi keperluan menaikkan MYRA UiTM.

Fungsi utama bagi model ini ialah memberi penghargaan yang merupakan satu bentuk gabungan di antara sikap dan tingkah laku pensyarah yang kondusif dan positif. Ini bertujuan untuk mencapai tujuan, misi dan visi FSK dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti penerbitan dan pengkomersialan. Namun sistem ‘hukuman’ yang dirancang bukan suatu kesalahan berat atau menindakkan peluang pensyarah, malah ini bertujuan membentuk dan mengurangkan sikap dan tingkah laku yang tidak matang dan negatif.

Sistem ganjaran dan hukuman dalam sesuatu organisasi, merujuk di FSK ianya digunakan dengan pelbagai matlamat. Secara amnya dipersetujui bahawa sistem ganjaran mempengaruhi perkara berikut:

SENARAI BUKTI :

1. [PERLUASAN.pdf](#)
2. [Jemputan Menerbit di Jurnal Berindeks MJMHS resized.pdf](#)
3. [Taklimat Geran Penyelidikan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi meningkatkan dan memastikan objektif dan inisiatif strategik tercapai, FSK juga telah menjalankan beberapa pemantauan. Ini dapat dibahagikan kepada pemantauan sendiri (Sendiri), berpasukan (mengikut kumpulan pusat pengajian) dan juga secara keseluruhan.

Pemantaun ini seringkali dijalankan bagi memastikan sasaran bulanan tercapai. Setiap pensyarah juga sentiasa di ingatkan tentang tugas dan tanggungjawab dalam mencapai aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan mereka.

SENARAI BUKTI:

1. [PEMANTAUAN.pdf](#)
2. [Bengkel Kelulusan Etika Penyelidikan.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Berikut adalah risiko-risiko yang dikenalpasti yang mungkin menjadi halangan bagi fakulti untuk bergerak ke hadapan dari segi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Ia terbahagi kepada empat faktor utama iaitu ahli penyelidik, infrastruktur, 'research integrity' dan pemegang taruh (stakeholders).

SENARAI BUKTI :

1. [6.4.2.pdf](#)
2. [Resized Bengkel Penulisan Jurnal Berindeks dan Buku.docx.pdf](#)
3. [Taklimat Geran Penyelidikan.pdf](#)
4. [Bengkel Kelulusan Etika Penyelidikan.pdf](#)
5. [Jemputan Menerbit di Jurnal Berindeks MJMHS resized.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelbagai kaedah telah diaplikasikan ke dalam sistem bagi tujuan penambahbaikan berdasarkan kategori risiko yang dikenalpasti seperti di dalam jadual berikut.

SENARAI BUKTI :

1. [6.4.3.pdf](#)
2. [Resized Bengkel Penulisan Jurnal Berindeks dan Buku.docx.pdf](#)
3. [Taklimat Geran Penyelidikan.pdf](#)
4. [Bengkel Kelulusan Etika Penyelidikan.pdf](#)
5. [Jemputan Menerbit di Jurnal Berindeks MJMHS resized.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelbagai tindakan penambahbaikan berterusan dan inovasi telah dijalankan dari masa ke semasa dan data berkenaan juga dikumpul dengan efisien melalui hebahan secara berterusan. Selain itu, lebih ramai staf juga dilantik dan jawatan baru diwujudkan supaya pembahagian kerja adalah sistematik bagi memastikan pengumpulan data yang efisien dapat dijalankan (rujuk Carta Organisasi PJI). Takwim tahunan berkaitan penyelidikan dan bengkel-bengkel yang bakal dijalankan juga dihebahkan kepada semua staf fakulti selain daripada pemberitahuan secara berkala (rujuk takwim Etika Penyelidikan, bengkel penulisan dan penyelidikan). Staf juga sentiasa diingatkan dan diberi galakan untuk terlibat aktif di dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Antara kaedah yang digunakan bagi menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan adalah melalui pemberian insentif penerbitan bagi jurnal berindeks Q1-Q4, pembiayaan yuran penerbitan sehingga RM 1500 per artikel, serta hebahan melalui media social seperti Wacana FSK, Facebook rasmi Fakulti Sains Kesihatan. Impak daripada penambahbaikan berterusan dan inovasi yang dilaksanakan di peringkat Fakulti membuahkan hasil yang positif di mana skor MyRA Fakulti telah meningkat daripada 48.69 pada tahun 2019 ke 54.61 bagi tahun 2020.

SENARAI BUKTI :

1. [Halatuju PJI 2020 V3.pdf](#)
2. [Resized Bengkel Penulisan Jurnal Berindeks dan Buku.docx.pdf](#)
3. [LAPORAN PRESTASI MYRA FSK 2020_compressed.pdf](#)
4. [PRESTASI PENYELIDIKAN FAKULTI DI UCS 2016-2020a_compressed.pdf](#)
5. [Takwim Etika 2020.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Utama Dari Perancangan Strategik

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Ringkasan Eksekutif

UiTM melalui misinya telah menetapkan bahawa salah satu daripada hala tuju adalah untuk mempertingkatkan bidang penyelidikan di kalangan warga UiTM. Sehubungan dengan itu, Perancangan strategik FSK telah menjadikan pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan sebagai satu bidang tumpuan utama. Bagi tahun 2019 dan 2020, FSK melalui bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, telah meletakkan tema Perolehan Geran sebagai fokus utama untuk memangkin dan meningkatkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di kalangan warga akademianya. Sebanyak 3 inisiatif telah dirancang bagi menyokong pencapaian sasaran perancangan strategik FSK. Rajah 7.1.1 memaparkan rumusan hasil dari strategi tersebut.

[Rajah 7.1.1](#)

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Hasil Perancangan Strategik Tahap \(1\).pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Hasil Perancangan Strategik Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Hasil Perancangan Strategik Perbandingan.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Hasil Perancangan Strategik Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Utama Dari Tumpuan Operasi

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Seksyen ini melaporkan keberkesanan inisiatif FSK dalam kecekapan operasi dalam pelaksanaan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Proses operasi menumpukan pada hasil dari proses pemantapan geran proposal dan penulisan jurnal berimpak tinggi, proses bengkel penulisan dan penerbitan *in house* dan kolaborasi, proses pemilihan kontijen FSK ke pertandingan penyelidikan dan proses pengumpulan data MyRA. Hasil utama yang dibincangkan adalah tahap, tren, perbandingan dan kepentingan dari segi penerbitan, geran penyelidikan dan pengkormesilan. Antara metod yang digunakan bagi menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan adalah melalui bengkel penulisan, pemberian insentif penerbitan bagi jurnal berindeks Q1-Q4, pembiayaan yuran penerbitan sehingga RM 1500 per artikel, serta hebahan melalui media social seperti Wacana FSK, Facebook rasmi Fakulti Sains Kesihatan. Impak daripada penambahbaikan berterusan dan inovasi yang dilaksanakan di peringkat Fakulti membuahkan hasil yang positif di mana skor MyRA Fakulti telah meningkat daripada 48.69 pada tahun 2019 ke 54.61 bagi tahun 2020.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Tahap30082021.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Tren 30082021.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Perbandingan30082021.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Kepentingan30082021.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil dari Kriteria Sumber Manusia

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Diantara faktor yang menyumbang kepada kejayaan Bahagian PJI FSK adalah kekuatan sumber manusianya. Kerja keras dari staf pentadbiran dan pengurusan PJI serta sokongan dan kerjasama padu yang diberikan oleh warga akademia FSK telah mempertingkatkan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSK. Jadual 7.2.1 merumuskan hasil dari Kriteria Sumber Manusia.

[Jadual 7.2.1](#)

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [TAHAP_OPERASI.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [TREN-OPERASI.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [PERBANDINGAN-OPERASI.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [KEPENTINGAN-OPERASI.pdf](#)